

29/03/2004

Ahli Pas dinasihatkan hayati hadis Nabi

Yusoff Zaky Omar

WALAUPUN pada hakikatnya Pas kalah teruk pada Pilihan Raya Ke-11 baru-baru ini sebagaimana dijangka dan telah menjadi tradisi mereka tidak boleh menerima kekalahan itu.

Pemimpinnya tetap akan cuba menutup kesalahan yang dilakukan oleh parti mahupun pemimpin Pas sendiri sehingga sanggup mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram, memutarbelitkan ayat Allah dan melakukan pelbagai tindakan yang dengan jelas semata-mata untuk meraih sokongan rakyat demi mendapatkan undi.

Rakyat sebenarnya tidak sebodoh disangka Pas, walaupun pemimpinnya cuba sedaya upaya memberi gambaran buruk terhadap media dan menutup saluran informasi selain akhbar Harakah.

Rakyat hari ini tidak dapat dihalang daripada mendapatkan maklumat dan berfikir sendiri tambahan pula pada era teknologi maklumat tanpa sempadan segala perkara dapat dijangkau hanya di hujung jari.

Pas patut menerima kekalahan ini dan bersyukur pada Allah akan segala ketetapanannya.

Mungkin ini jawapan daripada solat hajat, istiqarah dan doa ahli Pas untuk diberikan petunjuk dan dimenangkan pihak yang benar.

Penyokong patut sedar Pas yang kononnya meletakkan Kitabullah dan Sunah Rasul sebagai asas kepada penubuhan parti itu secara terang-terangan menafikan ajaran Islam dan Rasul dengan mengingkari larangan agar tidak berpecah-belah dan anjuran untuk bersatu padu.

Malah Pas bergelumbang dengan umpatan, pembohongan, cercaan, makian malah fitnah yang akhirnya menjadi mainan mereka.

Lebih buruk lagi Allah disamakan sifatnya dengan manusia dengan mendakwa tuhan mencarut.

Saya ingin menyeru kepada semua ahli Pas agar menghayati pesan Nabi Muhammad melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim yang melarang keras akan perpecahan jika terdapat sesuatu yang kurang disenangi dalam sesebuah kumpulan atau pakatan dan menyarankan agar kita bersabar.

Ini kerana jika kita berpecah maka matinya kita seperti matinya seorang jahiliah.

Jelas di sini perpecahan amat dibenci oleh Islam dan akibat daripada mengingkarinya akan terbit perpecahan yang lebih rumit seperti yang pernah berlaku di negara kita dulu iaitu masalah kafir-mengkafir, penyembelihan tidak sah dan perceraian.

Golongan yang mencetuskan perpecahan itu mendakwa mereka lebih Islam dan meletakkan nama parti sebagai parti Islam.

Bersabar bukanlah bermaksud berdiam diri tetapi di Malaysia yang aman damai ini terlalu banyak saluran untuk bersuara, baik dalam parti atau melalui media.

Menubuhkan kumpulan atau parti baru tentulah kerja orang yang tidak sabar dan kecewa.

Saya ingin mengajak ahli Pas merenung sejarah awal penubuhan Pas pada lewat 1951 di mana Yang Dipertua Agung Pas yang pertama iaitu Ahmad Fuad Hassan akhirnya menyertai Parti Negara bersama-sama Datuk Onn Jaafar pada September 1953 iaitu setahun lapan bulan sebelum pendaftaran parti itu diluluskan.

Ke mana perginya Dr Burhanuddin al-Helmi dan pemimpin awal parti itu.

Menggunakan nama Islam pada sebuah parti politik bukanlah sesuatu yang baik kerana dalam sistem demokrasi yang memerlukan pengundi untuk memberi

sokongan, menggunakan nama Islam akan memberikan tafsiran buruk terhadap Islam.

Pemimpin Pas perlu sedar dan mengaku penubuhan Pas bukanlah sesuatu yang baik di sisi Islam.

Manusia bersifat baru dan tidak dapat lari daripada kesilapan jadi janganlah mengharapkan kesempurnaan pada setiap orang tambahan pula dalam sebuah parti yang disertai oleh ramai orang.

Jika kita tidak senang dengan sesuatu perkara, di Malaysia yang bebas merdeka, terlalu banyak saluran untuk menyuarakan pendapat kita.

Tun Dr Mahathir Mohammad suatu ketika dulu juga pernah menulis surat, buku dan artikel mengutarakan perkara yang dirasakan tidak kena dan dengan berani sanggup menerima risiko akan menjadi tidak popular atau dipecat daripada Umno.

Itulah sebenarnya perjuangan dan Allah maha mengetahui dan maha melihat sedalam-dalam perkara ini.

Akhirnya Dr Mahathir muncul sebagai pemimpin bertaraf dunia dan bersara dengan tangisan jutaan rakyat.

Ini adalah kerana keikhlasan dan tindak tanduk beliau yang tidak dikuasai oleh perasaan untuk menjadi popular atau meraih sokongan.

Janganlah dinafikan bahawa Umno banyak berjuang untuk agama dan bangsa serta telah meletakkan Malaysia di peta dunia.

YUSOFF ZAKY OMAR,
Alor Star, Kedah.